

MINGGUAN: Apa pandangan Datuk Seri mengenai ucapan Perdana Menteri itu?

HISHAMUDDIN: Ia satu kenyataan yang sangat kena pada masanya. Belum pernah ada Perdana Menteri yang berani mengakui bahawa integrasi nasional dan perpaduan bangsa Malaysia ini masih rapuh. Ini sesuatu yang sangat bersejarah kerana beliau berani mengatakan bahawa tahap perpaduan yang kita lihat sekarang ini masih lagi di peringkat permukaan sahaja, masih bersifat kosmetik.

Malah kalau kita gali jauh ke dalam, ia masih rapuh dalam erti kata sebenar dan cukup membimbangkan. Apa yang Perdana Menteri sebutkan itu amat benar. Dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama seperti ini, bukan mudah untuk kita mengekalkan keharmonian kaum dan perpaduan.

Apakah jalan penyelesaian yang ada untuk mengatasi dan meningkatkan perpaduan generasi Malaysia akan datang?

HISHAMUDDIN: Pertamanya, kita perlu menyedari hakikat bahawa keadaan masyarakat kita ibarat, seperti apa yang dikatakan wakil Pahang dalam Perhimpunan Agung Pemuda UMNO, itik nampak tenang berenang - apa yang orang tak nampak adalah kaki itik mengayuh bagai nak rak - apa yang terpaksa dilakukan di belakang tabir orang tidak tahu. Perpaduan di kalangan masyarakat masih rapuh, *superficial* dan belum benar-benar mantap. Masih banyak perkara yang mesti kerajaan dan rakyat lakukan untuk memastikan keharmonian kaum tidak terganggu. Itulah juga yang dilakukan oleh pengasas-pengasas negara ini dahulu seperti yang diceritakan oleh Dr. Thio Chan Bee dalam bukunya *Extraordinary Adventures of an Ordinary Man*.

Keduanya, dalam usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat, asas-asasnya perlu kukuh. Misalnya orang Melayu, hak berhubung agama dan keistimewaan mereka yang dilindungi. Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dicuit. Apabila dicuit, diusik dan dicabar berulang kali, mereka akan gelisah.

Kita sedar orang Melayu resah apabila dibangkitkan isu Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan (hak kebebasan beragama) dan penguasaan ekuiti. Tetapi mereka tidak perlu risau, selagi ada UMNO, perkara-perkara pokok ini akan kita pertahankan.

Ketiganya, kita perlu sedar dalam proses kerajaan menggalakkan keterbukaan, nampaknya sebahagian besar masyarakat masih belum dapat menerimanya atau memahami bahawa kebebasan dan keterbukaan itu ada batasnya. Kita melihat permintaan pihak tertentu bukan saja melampau tetapi menyinggung perasaan orang Melayu. Pada waktu sama, ada jurucakap kita (semasa Perhimpunan Agung UMNO) terlanjur. Keputusan untuk menyiarkan perbahasan itu secara langsung menampakkan bahawa masyarakat masih belum bersedia menerima perkara-perkara yang dibangkitkan.

Keempat, kita wajar sedar dalam keadaan resah ini sentiasa ada pihak menunggu untuk menanggung di air keruh, mahu mewujudkan prasangka antara kaum. Mereka akan memutar belit perkara yang dibangkitkan sehinggakan perkara yang tidak seharusnya menjadi sensitif juga dijadikan sensitif.

Sekiranya kita hendak mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi dan meningkatkan semangat perpaduan generasi akan datang, ia perlu bermula dengan setiap pihak perlu memahami empat perkara yang disebutkan tadi. Kita perlu berani. Semua pihak perlu ada *political will*. Walaupun ia mungkin menimbulkan rasa pahit tetapi itu adalah lebih baik daripada kita menyembunyikan masalah tersebut.

Dalam pertemuan dengan Pemuda MCA itu, adakah masalah ini dibincangkan secara mendalam? Apakah yang Pemuda UMNO dan Pemuda MCA dapat lihat pada pertemuan ini?

HISHAMUDDIN: Kita bincang panjang lebar mengenai hal ini dan sedar dalam soal perpaduan masih banyak yang belum dapat kita capai. Ada beberapa hal yang kita lihat terutamanya peluang-peluang yang ada untuk menggalakkan perpaduan. Pertama, kita ada Perdana Menteri yang bersedia untuk mendengar segala masalah dan beliau juga suka berterus terang. Kedua, kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50 yang boleh mengeratkan usaha ini ke satu tahap yang lebih tinggi lagi. Ketiga, kita perlu mengubah *mindset* pemimpin muda.

Kita boleh bercakap mengenai reformasi pendidikan tetapi kalau kepimpinan kita masih tiada keyakinan dan kemahuan politik untuk melakukannya, perpaduan tidak juga akan tercapai. Kita akan mengadakan kursus kepada kepimpinan tertinggi Pemuda BN bagi menjayakan usaha ini. Sebagai contoh, tentang soal keris. Selagi kita tidak memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai keris, selagi itulah masyarakat bukan Melayu akan memandangnya secara negatif. Saya beritahu Pemuda MCA bahawa keris itu adalah tanda amanah. Saya hanya mencium keris sebagai tanda memikul amanah itu. Itu sebabnya juga Yang di-Pertuan Agung mencium keris sewaktu ditabalkan. Mereka (masyarakat Cina) tidak faham kerana dalam budaya Cina apabila sarung pedang dibuka maknanya mereka hendak berlawan.

Itu merupakan pertama kali kita membincangkan aspek kebudayaan dalam kepimpinan kita. Apa yang kita bincangkan dalam konteks keris ini akan membuka ruang untuk mereka memahaminya. Saya hendak ingatkan bahawa saya ini cucu Datuk Onn Jaafar yang mengorbankan politiknya kerana perpaduan dan saya juga anak kepada Bapa Perpaduan, Tun Hussein Onn. Adakah saya sebagai cucu dan anak kepada pejuang perpaduan tidak memahami konsep perpaduan apabila menghunus keris itu?

Azam politik bina perpaduan

Mukadimah

UM - 10/12/2006

Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1961 menggariskan matlamat pendidikan negara untuk melahirkan generasi yang bersatu-padu. Tetapi selepas hampir 50 tahun harapan itu masih belum menjadi kenyataan. Apakah cabaran terbesar pelaksanaannya?

HISHAMUDDIN: Kita perlu ingat suasana, semangat dan cabaran ketika itu tidak sama dengan hari ini. Ketika itu semangatnya untuk membentuk dan membina sebuah negara yang baru merdeka. Waktu itu tiada cabaran globalisasi seperti hari ini. Pada masa itu ada pelbagai aliran sekolah dalam sistem kita - Melayu, Inggeris, Cina, Tamil, sekolah *mission* dan sekolah agama. Hanya dengan adanya sistem pendidikan kebangsaan barulah semua sekolah ini menggunakan satu kurikulum saja - kurikulum kebangsaan, satu sistem peperiksaan dan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama kecuali di SJKC dan SJKT. Walau bagaimanapun di sekolah jenis kebangsaan ini, bahasa kebangsaan masih menjadi mata pelajaran utama.

Dengan itu boleh dikatakan cabaran terbesar seperti yang disasarkan oleh Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib telah terlaksana dan telah menyatukan semua sekolah pelbagai aliran di bawah satu aliran pendidikan. Melaluinya semua murid dididik di bawah satu acuan dan bersekolah di SK, sama ada di sekolah rendah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan dan juga sekolah jenis kebangsaan. Ini saya anggap berjaya dan perlu diakui. Hari ini sudah ada cabaran globalisasi. Pada waktu sama negara telah lama merdeka dan semangat perpaduan serta kesatuan seperti waktu negara baru merdeka mungkin kurang dirasakan generasi yang lebih muda. Ini diburukkan lagi apabila ada segelintir pihak yang memperjuangkan isu SJK dalam perspektif bahasa kaum dan prasangka perkauman yang sempit. Ini juga berlaku dalam konteks pendidikan agama dan sekolah agama. Oleh itu, kita perlu menyuntik satu kesedaran untuk generasi baru ini terutamanya menjelang 50 kemerdekaan negara tahun depan, seperti disarankan Perdana Menteri.

Kenapakah jumlah pelajar bukan Melayu di SK masih terlalu kecil? Apa betul SK tidak bagus dan ketinggalan dari segi kualiti berbanding SJK?

HISHAMUDDIN: Pendapat ini tidak benar. SK sebenarnya merujuk kepada sekolah rendah dan menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Di peringkat menengah, semua murid daripada pelbagai kaum menerima pendidikan di sekolah menengah kebangsaan. Ini tidak ramai yang sedar. Di peringkat rendah, ibu bapa mempunyai kebebasan untuk menghantar anak belajar sama ada di SK atau SJK. Data sehingga tahun 2005 menunjukkan pelajar bukan Melayu di SK lebih kurang 173,208 daripada jumlah keseluruhan murid di SK. Ini bukan satu jumlah yang kecil tetapi saya percaya ia boleh ditambah. Itu sebab satu-satunya agenda utama RMK-9 ialah memperkasakan SK tetapi bukan dengan menyekat sekolah aliran lain.

Bagaimanapun itu statistik nasional. Jumlah SRK sehingga Jun 2005 adalah kira-kira 5,700 buah di seluruh negara, termasuk di negeri-negeri yang majoriti penduduknya adalah orang Melayu. Tentulah kalau dibandingkan sebegini, statistik nasional tidak dapat memberikan gambaran menyeluruh. Sebenarnya di

Kita boleh bercakap mengenai kalau kepimpinan kita masih ti politik untuk melakukannya, pe tercapai

lokasi-lokasi tertentu ada SK yang mempunyai peratus pelajar bukan Melayu yang agak baik seperti SK Assunta, SK Bintang Utara, SK Sri Petaling dan SK Sri Subang Jaya di Lembah Klang. Adalah tidak benar juga untuk menyatakan SK tidak bagus dari segi kualiti berbanding SJK. Dalam keputusan peperiksaan UPSR baru-baru ini didapati daripada 496,439 calon yang menduduki peperiksaan tersebut, 42,029 (8.5 peratus) dapat gred A semua subjek. Daripada jumlah yang mendapat semua A, sejumlah 31,716 (75.5 peratus) adalah calon SK manakala 9,745 (23 peratus) adalah daripada SJK Cina dan 568 (1.35 peratus) adalah SJK Tamil.

Sekolah Wawasan diperkenalkan sebagai jalan keluar untuk memuaskan hati kaum bukan Melayu. Dalam keadaan tolak ansur begitu pun, Sekolah Wawasan masih ditentang. Kenapa?

HISHAMUDDIN: Inilah dia, walaupun niat dan tujuan itu murni tetapi kalau ia dipolitikkan, cadangan yang baik itu tidak akan ke mana. Aspirasi sebenar penubuhan Sekolah Wawasan bukanlah untuk memuaskan hati kaum bukan Melayu sebaliknya untuk memenuhi aspirasi nasional. Ia satu pendekatan untuk menggalakkan anak-anak kita belajar, berinteraksi, makan dan minum, bermain bersama-sama. Kita juga ada melaksanakan pendekatan lain seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Usaha memupuk perpaduan akan terhalang jika ada yang melihatnya dari perspektif perkauman yang sempit. Dalam isu Sekolah Wawasan misalnya ada pihak tertentu mendakwa ia akan mengahkis identiti SJK. Setakat ini hanya sebuah Sekolah Wawasan daripada enam yang dibina disertai oleh ketiga-tiga aliran.

Datuk Seri berpuas hati dengan komitmen parti-parti komponen dalam BN terhadap SK?

HISHAMUDDIN: Dalam semangat BN, semua keputusan dicapai secara kolektif. Saya yakin dan percaya parti-parti komponen lain dalam BN turut menyokong dasar kerajaan. Semua parti komponen BN sememangnya bersetuju untuk memperkasakan SK namun dalam masa sama, kepentingan SJK tidak akan diabaikan. Setakat ini saya amat berpuas hati dengan komitmen yang diberikan. Saya percaya semua parti komponen akan memberikan sokongan tidak berbelah bagi terhadap dasar ini. Tetapi kadangkala usaha itu nampak terjejas kerana sensasi media mengenai dakwaan pembangkang dan kerakusan ahli-ahli BN sendiri untuk kepentingan politik mahu popular di kalangan kaum sendiri.

Apakah kerajaan bersedia untuk membiarkan keengganan orang bukan Melayu menghantar anak-anak mereka ke SK berterusan?

hammad Ali: Betul, tapi biasan sesuatu, jika sasaran kita itu ujung pokok kelapa pun alhar. Masalahnya bila kita sasarkan (kan 30 peratus ekuiti) kita akan itulah yang menjadi masalah keah melangit. Pada masa ini tngatakan orang Melayu telah ya kkuatir ini akan mewujudkan ngapa perlu bekerja dengan lea telah melebihi sasaran 30 pe ya permainan psikologi dan s bolehemik yang sedemikian. Sebaputut mempunyai angka sasunahaman saya, kalau kita selatujuk sama rendah dan berbybangsa lain, kita perlulah kuan negara kerana bangsa kiha jumlah rakyat di Malaysi: kembang kerana ia menyamai ni

Pada pandangan Tan Siyi dilaksanakan?

hammad Ali: Saya sudah bentuSM dan tiada siapa yang tidak beSoalnya bagaimana kita nak cya saya katakan satu darip: (market driven). Campur t nUmpamanya, jika mereka i te dan sebagainya.

Bukankah komitmen k au menjayakan usaha menir pMelayu dalam pemilikan el se

hammad Ali: Komitmen kerajritetapi cara kerajaan menyalu pian 'tongkat'. Subsidi pentin psubsidi. Johor Corporation (J mawal kalau tanpa bantuan ke mlaksud saya, kita bukan mal n tetapi saya berpandangan n syarikat-syarikat berkaitan l sapabila digabungkan Golden dia individu. Umpamanya Tal suMelayu dan Media Prima, jar tuju sebab inilah punca kelema dat dan kita kena belajar dari seia kita serahkan kepada in makalipun, satu hari nanti ino satapi ada contoh yang kita mi ya meninggal dunia, harta yar pebanyak usahawan Melayu be ha perlu bina satu institusi umj lain. Institusi ini juga perlu vidu. Individu ini pula kala te25 atau 30 peratus. Bersama gungjawab. Jadi jika kemudi: 19cita rela ambil semula 30 api terbabit. Pada masa yang s Kkat tersebut oleh pelabur b ke apada contoh lain, dulu kita mtga 100 peratus dan apabila l borlu gunakan duit orang rar ngtu syarikat terbabit untuk te-mua ini. nanti orane marah